

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang

Sidang Akademik 1997/98

April 1998

HGF 121 Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Jawab **DUA** [2] soalan dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A

1. Jelaskan faktor-faktor utama yang mempengaruhi arah tiupan angin dan kelajuan angin di sesuatu kawasan.

[25 markah]

2. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan gelombang elektromagnet?

[5 markah]

- [b] Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pola taburan suhu di permukaan bumi.

[20 markah]

3. [a] Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai jelaskan proses-proses yang membolehkan air berubah dari satu sifat fizikal ke sifat fizikal yang lain.

[10 markah]

- [b] Jelaskan perbezaan di antara kadar tukaran suhu adiabatik kering dan kadar tukaran suhu adiabatik basah.

[15 markah]

4. [a] Jelaskan kenapa kandungan CO₂ di atmosfera meningkat sejak akhir-akhir ini.
[10 markah]
- [b] Bincangkan sejauhmanakah peningkatan kandungan CO₂ di atmosfera telah menyumbang kepada peningkatan suhu?
[15 markah]

BAHAGIAN B

5. [a] Teori perkembangan lantai lautan diperkenalkan untuk membantu menjelaskan tentang kedudukan benua-benua yang wujud sekarang ini. Huraikan.
[15 markah]
- [b] Apakah bukti-bukti yang ditemui oleh ahli sains untuk menjelaskan taburan benua sekarang ini?
[10 markah]
6. [a] Huraikan proses-proses yang terlibat dalam mengubah sesuatu cerun di kawasan iklim kering.
[10 markah]
- [b] Bagaimanakah air larian berperanan mengubah sesuatu cerun bukit?
[15 markah]
7. Gangguan-gangguan alam sekitar secara semula jadi atau akibat tindakan manusia dapat mengganggu belanjawan endapan pantai. Bincangkan.
[25 markah]
8. Bincangkan kesan aktiviti manusia dalam mengubah pandang darat fizikal bumi.
[25 markah]